

1,565 pelajar baharu mendaftar di UMP

Kira-kira 1,565 pelajar baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi Sesi Pengajian 2009/2010 mendaftar di Kampus UMP pada 28 Jun 2009 baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata daripada jumlah itu seramai 1,402 orang mengikuti program di peringkat sarjana muda manakala 163 orang lagi bagi program diploma.

"Jumlah kemasukan ini dijangka bertambah berikutnya dengan permohonan penangguhan pendaftaran oleh ibu bapa pelajar."

"Pendaftaran hari ini melibatkan proses pendaftaran kursus, pembayaran yuran kemasukan, urusan asrama dan urusan kad pelajar."

"UMP juga turut menerima seramai 52 orang pelajar antarabangsa yang merupakan pelajar sulung sejak mula beroperasi pada tahun 2002 dan mereka dijangka mendaftar pada 3 Julai ini," ujarnya semasa hadir menyambut kehadiran pelajar baharu.

Tambah beliau lagi, buat pertama kalinya UMP telah menerima empat orang pelajar lepasan Maahad Tahfiz Negeri Pahang untuk menyambung pengajian di peringkat diploma dalam jurusan Kejuruteraan Kimia (Logi Proses) dan Kejuruteraan Awam.

"Ini merupakan hasil dari hubungan dan kerjasama antara pihak UMP dan Maahad Tahfiz Negeri Pahang."

"UMP turut menjalankan langkah-langkah keselamatan bagi mengelak berlaku masalah tidak diingini seperti jangkitan virus Influenza A (H1N1) dengan membuka kaunter khas untuk pemeriksaan kesihatan."

